

08 AUG 1997

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Republik Singapura Ong Teng Cheong sempena Hari Kebangsaan Singapura hari ini.

Menurut perutusan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra, Seri Paduka yakin bahawa hubungan Malaysia-Singapura dapat diperkukuhkan lagi demi kepentingan rakyat keua-dua negara.

"Beta juga berharap semoga rakyat Singapura menikmati kemajuan dan kemakmuran yang berkekalan."

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya Goh Chok Tong dengan harapan untuk bekerjasama bagi mempertingkatkan hubungan dua hala untuk faedah bersama dan demi keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula menghantar perutusan kepada Menteri Luar dan Undang-undang Singapura Prof S. Jayakumar.

"Saya ingin mengulangi iltizam untuk memperkukuhkan lagi kerjasama, persahabatan dan semangat kejiranan antara kedua-dua negara," kata beliau.

-- BERNAMA

NZ FAZ